



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**SELASA 27 JUN 2023**

| <b>BIL</b>               | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                                                                                                                                                                                                                                                   | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>  |
|--------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|
| 1.                       | DAMAK KING GANTI MUSANG KING, KOSMO, NEGARA -15                                                                                                                                                                                                                                               | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)       |
| 2.<br>3.<br>4.           | BEKALAN SEMBELIHAN DIJANGKA MENCUKUPI, LOKAL, HM -17<br>BEKALAN TERNAKAN AIDILADHA CUKUP, NASIONAL, SH -15<br>HAMPIR RM1b IMPORT TERNAKAN HIDUP, DALAM NEGERI, UM -29                                                                                                                         | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)   |
| 5.<br>6.                 | MARANG, LOKAL, HM -21<br>NELAYAN VIETNAM DITAHAN BERSAMA HASIL RAMPASAN 1.5 JUTA, NEGERI TERENGGANU, SH -26                                                                                                                                                                                   | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)       |
| 7.<br>8.                 | IKAN RAKYAT MURAH DI TERENGGANU, NEGARA, KOSMO -16<br>NELAYAN PERLU MANFAATKAN INDUSTRI HILIRAN KAWASAN PANTAI, DALAM NEGERI, UM -33                                                                                                                                                          | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)  |
| 9.                       | MOVE TO BOOST PADI YIELD LARGE SCALE PROJECTS, NEWSM THE SUN -3                                                                                                                                                                                                                               | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 10.<br>11.<br>12.<br>13. | KERAJAAN YAKIN KEMAMPUAN NAFAS BEKAL BAJA SUBSIDI, DALAM NEGERI, UM -5<br>ZERO LATE DELIVERY ATASI ISU KELEWATAN BEKALAN, DALAM NEGERI, UM -5<br>NAFAS TERUS BEKAL BAJA SUBSIDI KEPADA PETANI, NASIONAL, SH -22<br>KEMPEN ZERO LATE DELIVERY TANGANI ISU LEWAT BEKALAN BAJA, NASIONAL, SH -22 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Permintaan naik mendadak sehingga bekalan,tidak mencukupi di Pahang

# Damak king ganti musang king

**JERANTUT** – Keadaan buah durian musang king yang kurang berkualiti kali ini apabila mengalami kerosakan membuatkan peminat raja buah beralih kepada durian damak king yang terus menjadi rebutan.

Isi buah berkenaan yang tidak berapa terjejas ekoran cuaca dan penjagaannya yang tidak cerewet membuatkan ia juga menjadi pilihan tanaman pekebun durian pada masa ini.

Penjual dan pemborong durian damak, Ahmad Mustapha, 45, berkata, permintaan damak king khususnya pada kali ini meningkat mendadak membuatkan bekalan tidak mencukupi.

"Permintaan kali ini memang agak luar biasa yang mana sejak takat ini tempahan saya terima untuk tiga hari telah penuh dan saya tidak lagi dapat menerima tempahan.

"Keenakan rasa damak king memang sudah terkenal oleh penggemar durian dan ramai yang ingin mendapatkan raja buah itu dari seluruh negara," ka-

tanya di sini hari ini.  
Baru-baru ini media melaporkan musang king di negeri ini tidak dapat dieksport ke luar negara selepas buah berkenaan 'sakit' apabila mengalami *dry* yang menyaksikan isinya menjadi sedikit keras dan berwarna hitam.

Menurut Ahmad, isi damak king yang unik dengan rasa manis, lemak dan sedikit berwarna kuning membuatkan ia semanganya menjadi tarikan sejak dahulu lagi.

Katanya, buahnya yang bu- lat dan tahan sehingga tiga hari selepas gugur memberikan kelebihan kepada buah yang dijual dengan harga antara RM35 hing- ga RM55 sekilogram itu.

"Pada masa ini hanya ada 16 pokok damak king yang berbuah di kawasan damak menyebabkan hasilnya tidak banyak sedangkan permintaan tinggi.

"Bukan sahaja orang tempa- tan malah orang luar seperti dari Johor dan Terengganu juga cari damak," jelasnya.



AHMAD MUSTAPHA (kanan) dan Mohd Padli menunjukkan durian damak king di Damak, Jerantut.



SEBAHAGIAN ikan rakyat yang dijual lebih murah di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu semalam.

## Ikan rakyat murah di Terengganu

**KUALA TERENGGANU** – Jika sejak dua minggu lalu, orang di negeri ini 'berpesta' makan sotong, kali ini banyak lagi hasil laut lain dilambak sejak beberapa hari ini.

Tinjauan di beberapa pasar basah di bandar raya ini dan Kuala Nerus mendapati harga hasil laut itu terutama melibatkan 'ikan rakyat' lebih murah sehingga RM4 sekilogram berbanding minggu lalu.

Seorang peniaga, Hamzah Mat Ali, 62, berkata, penurunan harga itu disebabkan lambakan ikan yang berjaya didaratkan di

jetty-jetty nelayan seluruh Terengganu pada masa ini.

"Antara ikan yang mengalami penurunan harga adalah selat yang, kembung, cencaru dan aye.

"Ikan selayang kini dijual RM10 sekilogram berbanding RM14 sebelum ini, cencaru (RM10/kg), kembung (RM20/kg) dan aye (RM12/kg)," katanya ketika ditemui Kosmo! di Pasar Chabang Tiga di sini semalam.

Seorang lagi peniaga, Azmi Mohamad, 58, berkata, ramai nelayan tempatan yang turun ke laut pada masa ini membawa

hasil banyak ekoran fenomena 'bulan gelap'.

Begitupun, dia menjangkakan harga hasil laut itu akan naik sedikit menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha pada Khamis ini.

"Berdasarkan pengalaman harga ikan akan naik sedikit kira-kira dua hari sebelum Hari Raya Haji sebelum kembali stabil seminggu kemudian.

"Ia disebabkan permintaan tinggi apabila ramai perantau mula pulang ke kampung ketika musim perayaan," tambah Hamzah.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 27/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL   | 17         |

## Bekalan sembelihan dijangka mencukupi

**Putrajaya:** Bekalan ternakan hidup seperti lembu dan kerbau tempatan bagi penyembelihan sempena Aidiladha pada Khamis ini dijangka mencukupi dan memenuhi keperluan, menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

DVS dalam satu kenyataan semalam memaklumkan dianggarkan permintaan lembu dan kerbau adalah sebanyak 38,404 ekor manakala kambing dan bebiri sebanyak 20,420 ekor bagi tujuan korban tahun ini, setelah mengambil kira keperluan masjid, surau dan penyembelihan luar masjid atau surau.

Menurut statistik DVS, stok bekalan lembu dan kerbau tempatan sehingga Mei 2023 adalah sebanyak 34,946 ekor, manakala bekalan lembu dan kerbau diimport sehingga April 2023 adalah sebanyak 4,911 ekor dengan jumlah keseluruhan bekalan sebanyak 39,857 ekor.

Bagi kambing dan bebiri, bekalan tempatan sehingga Mei 2023 adalah 25,821 ekor manakala bekalan kambing dan bebiri diimport sehingga April 2023 adalah sebanyak 4,167 ekor dan jumlah keseluruhan bekalan bagi tujuan korban adalah 29,988 ekor," menurut jabatan itu.

"Berdasarkan anggaran bekalan ternakan daripada perangkaan DVS, jumlahnya dijangka mencukupi untuk menampung permintaan sembelihan korban tahun ini," menurut DVS.

Sebanyak 27 buah rumah sembelih ruminan milik DVS di seluruh Semenanjung Malaysia sentiasa bersedia untuk operasi dan DVS juga telah mengeluarkan lesen kepada 38 buah rumah sembelih swasta di Semenanjung Malaysia yang boleh memberi perkhidmatan penyembelihan bagi tujuan korban.

# Bekalan ternakan Aidiladha cukup

Setelah mengambil kira keperluan masjid, surau dan penyembelihan luar masjid atau surau

PUTRAJAYA

Bekalan ternakan hidup seperti lembu dan kerbau tempatan bagi penyembelihan sempena Aidiladha pada Khamis ini dijangka mencukupi dan memenuhi keperluan, menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

DVS dalam kenyataan pada Isnin memaklumkan, dianggarkan permintaan lembu dan kerbau adalah sebanyak 38,404 ekor manakala kambing dan bebiri sebanyak 20,420 ekor bagi tujuan korban tahun ini, setelah mengambil kira keperluan masjid, surau dan penyembelihan luar masjid atau surau.

Menurut statistik DVS, stok bekalan lembu dan kerbau tempatan sehingga Mei 2023 adalah sebanyak 34,946 ekor, manakala bekalan lembu dan kerbau diimport sehingga April 2023 adalah sebanyak 4,911 ekor dengan jumlah keseluruhan bekalan sebanyak 39,857 ekor.

“Bagi kambing dan bebiri, bekalan tempatan sehingga Mei 2023 adalah 25,821 ekor manakala bekalan kambing dan bebiri diimport sehingga April 2023



Dianggarkan permintaan lembu dan kerbau adalah sebanyak 38,404 ekor manakala kambing dan bebiri sebanyak 20,420 ekor bagi tujuan korban tahun ini.

adalah sebanyak 4,167 ekor dan jumlah keseluruhan bekalan bagi tujuan korban adalah 29,988 ekor.

“Berdasarkan anggaran bekalan ternakan daripada perangkaan DVS, jumlahnya dijangka mencukupi untuk menampung permintaan sembelihan korban tahun ini,” menurut jabatan itu.

Sebanyak 27 buah rumah sembelih ruminan milik DVS di seluruh Semenanjung Malaysia sentiasa bersedia untuk operasi dan DVS juga telah mengeluarkan lesen kepada 38 buah rumah sembelih swasta di Semenanjung Malaysia yang boleh memberi perkhidmatan penyembelihan bagi tujuan korban. - Bernama

Permintaan keperluan ibadah korban meningkat tahun ini

# Hampir RM1b import ternakan hidup

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia mengim-port ternakan hidup bernilai RM737.01 juta atau hampir men-ceh RM1 bilion bagi menam-pung keperluan negara ini sepa-ngang tempoh lima tahun sejak 2018 hingga tahun lalu.

Memaklumkan kepada *Utusan Malaysia*, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) berkata, jumlah itu meliputi keseluruhan 378,915 ekor lembu pembiakan, lembu penyembelihan, bebiri hidup dan kambing hidup.

Daripada jumlah itu katanya, ternakan lembu penyembelihan yang dimport direkodkan tinggi iaitu melibatkan 140,570 ekor de-ngan nilai RM510.62 juta.

Jelas JPV, bagi keperluan ibadah korban pada tahun ini, permintaan ternakan mening-kat dengan anggaran sebanyak 46,027 ekor lembu atau kerbau dan 22,194 ekor kambing atau

bebiri diperlukan.

“Jumlah itu lebih tinggi ber-banding 38,265 ekor lembu manakala kambing atau bebiri sebanyak 21,707 ekor untuk tahun lalu,” katanya di sini semalam.

Menurut JPV, jumlah penge-luaran hasil ternakan di negara ini bagi 2021 adalah sebanyak 36,800.6 metrik tan bagi daging lembu atau kerbau selain 3,502.5 metrik tan bagi daging kambing atau bebiri.

Katanya, jumlah kebenaran import adalah bergantung kepada keperluan pihak industri. “JPV tidak terlibat dalam me-nentukan harga jualan ternakan di pasaran. Ia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perda-gangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup-Malaysia (KPDN),” katanya.

Mengikut pasaran tempatan, harga lembu ketika ini mencecah sehingga RM6,000 seekor ber-banding tahun lalu RM5,200.

Justeru, kadar kenaikan harga korban ternakan antara 35 hingga 40 peratus dengan satu bahagian

korban antara RM750 hingga RM850.

Mengulas keberangkatan negara kepada ternakan import, Presiden Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Prof. Dr. Ah-mad Ismail berkata, masalah kekurangan dan keperluan lembu korban sudah lama dibangkitkan.

Katanya, keadaan ini menyebabkan pengaliran wang keluar negara untuk memenuhi keper-luan daging negara dan kos pelak-sanaan ibadat korban yang murah berbanding di negara ini.

“Dalam keadaan ekonomi ne-gara sekarang sudah tentu terasa sedikit tertekan. Perbagai cada-ngan dan usaha dikemukakan mengikut kepakaran tertentu.

“Pakar ruminan daging perlu buat kajian dan strategi tindakan segera berhubung keupayaan menternak dalam negara, kos, teknologi dan pengusaha, tamba-han lagi apabila negara berdepan dengan isu keterjaminan maka-nan,” katanya.



**KERAJAAN** melalui Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) meletakkan sasaran SSL industri ternakan lembu sebanyak 50 peratus pengeluaran tempatan menjelang tahun 2025.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 27/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL   | 21         |



SEBANYAK 12 unit tukun tiruan dilabuhkan oleh Jabatan Perikanan negeri pada Program Melabuh Tukun Tiruan Penghalang Pukat Tunda Juvenil (Konservasi) di perairan Pulau Kapas. Peruntukan besar oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri ini bertujuan untuk mengawal dan memperkaya sumber perikanan perairan Terengganu. Hasil pelabuhan tukun ini akan memberi manfaat kepada 8,635 orang nelayan di Terengganu.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN           | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|-------------------|------------|
| 27/6/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 26         |

## Nelayan Vietnam ditahan bersama hasil rampasan RM1.5 juta

**KUALA TERENGGANU** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu menahan sebuah bot nelayan asing Vietnam yang dikesan menceroboh perairan negara dengan hasil rampasan bernilai RM1.5 juta.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Khairulnuar Abd Majid berkata, bot dinaiki lapan kru termasuk seorang tekong itu ditahan Kapal Maritim yang menjalankan operasi Op Kuda Laut dan Op Naga Barat di kedudukan 60 batu nautika dari muara Pulau Redang, kira-kira jam 2.30 petang pada Sabtu.

"Bot bersama semua kru berusia antara 23 hingga 55 tahun itu dibawa ke jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963.

"Kesemua mereka ditahan bersama hasil tangkapan, bot dan peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai hampir RM1.5 juta," katanya dalam kenyataan, di sini pada Isnin.

Menurut Khairulnuar, pihaknya tidak akan berkompromi sekiranya terdapat nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran.

"Kita akan meningkatkan rondaan dan memantau dari semasa ke semasa bagi mengekang sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim.

"Sebarang maklumat berkaitan salah laku yang berlaku di perairan negara boleh disalurkan ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi) Maritim Negeri Terengganu," katanya.

Maritim Terengganu menahan sebuah bot nelayan asing Vietnam bersama hasil rampasan dianggarkan bernilai hampir RM1.5 juta.



| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 27/6/2023 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 33         |

# Nelayan perlu memanfaatkan industri hiliran kawasan pantai

**BACHOK:** Para nelayan di seluruh negara perlu bijak memanfaatkan pelbagai peluang dalam industri hiliran di kawasan pantai untuk menambah pendapatan mereka.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, selain keluar menangkap ikan di laut, hasil tangkapan itu boleh dikembangkan kepada penghasilan makanan yang lain menerusi bimbingan LKIM.

Dalam masa yang sama, katanya, kawasan perkampungan nelayan boleh dimajukan sebagai produk pelancongan untuk menarik minat pelancong dalam dan luar negara.

Ketika ini, terdapat seramai 84,000 nelayan berdaftar di bawah lebih 100 Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) seluruh negara.

“Usaha itu perlu dirangka di peringkat PNK dalam usaha meningkatkan pendapatan keluarga nelayan yang tidak hanya fokus kepada kerja menangkap ikan.

“Hasil makanan laut, seni kraf dan pelbagai produk mampu dijual kepada pengunjung. PNK juga perlu kreatif dalam merangka projek dalam mem-



**MUHAMMAD Faiz Fadzil ( kiri) mengagihkan bantuan kepada nelayan PNK Bachok di D'Haritage Resort and Training Center, Bachok, Kelantan hari ini. - UTUSAN/TOREK SULONG**

bela nasib nelayan untuk keluar daripada kepompong kemiskinan,” katanya selepas menyampaikan bantuan enjin bot, pukat dan tong ikan kepada 40 nelayan di D'Haritage Resort and Training Center di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Faiz memberitahu, aspek kebajikan nelayan ter-

masuk keperluan bantuan peralatan, kos operasi dan bayaran Elaun Sara Hidup (ESH) nelayan sebanyak RM300 sebulan akan terus dipertahankan.

Katanya, dakwaan yang mengatakan kerajaan tidak akan menyambung ESH nelayan dan memotong subsidi bahan api hanya propaganda politik yang tidak perlu dilayan.

| TARIKH    | MEDIA   | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------|---------|------------|
| 27/6/2023 | THE SUN | NEWS    | 3          |

**PLANT NUTRIENTS ...** Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu looking at several types of fertilisers during the 'Santai Peladang' event in Alor Setar yesterday. - **BERNAMAPIC**



## Move to boost padi yield via large scale projects

**ALOR SETAR:** The Muda Agricultural Development Authority (Mada) is encouraging farmers to adopt the Large-Scale Padi Planting (LSPP) and Smart Large-Scale Padi Field (Smart LSPP) programmes to address the economic challenges in growing padi.

Its chairman Datuk Dr Ismail Salleh said farmers can boost padi yield by implementing a centralised management system for large-scale projects, thereby increasing their income.

He said the programmes can help farmers improve farm management efficiency and overcome the issue of uneconomical small farms as well as resolve the problem of agricultural labour shortage due to the ageing farmer population.

"The programmes will also see the introduction of new technologies in the agricultural field and financing facilities," he said, adding that infrastructure density at farms also plays a vital role in sustainable rice production.

"The efficiency of water management systems as well as access to logistics facilities, such as roads and farm crossings, can ensure the quality of the padi," he added.

Ismail said Mada will increase the infrastructure density from 18m to 30m per hectare, with the development of tertiary irrigation systems under the Agricultural Drive Project.

He also emphasised that farmers must be involved in entrepreneurship, such as food processing, livestock breeding, cultivation of secondary crops and agrotourism as an additional source of income to cope with the current economic uncertainty.

Ismail also said Mada lauds the government's proposal to plant padi five times every two years to raise output as well as the country's rice self-sufficiency level.

"Mada has successfully conducted five padi planting cycles in the Muda area since 2016, and this initiative is ongoing."

Ismail said Mada has the capability to gradually expand its efforts to cover more than 30,000ha of padi fields in the Muda area, with the expansion facilitated by enhancing tertiary irrigation and infrastructure systems.

He also stressed the importance of utilising suitable technology and selecting padi varieties with shorter maturity durations to achieve the objective of cultivating padi five times within a two-year timeframe. - **Bernama**

| TARIKH    | MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--------------|------------|
| 27/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5          |

# Kerajaan yakin kemampuan NAFAS terus bekal baja subsidi

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
aimy.ahmad@mediamula.com.my

**GURUN:** Kerajaan yakin dengan kemampuan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk terus membekalkan baja subsidi kepada para pesawah di negara ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kontrak pembekalan semasa NAFAS yang akan tamat pada hujung tahun ini dilihat tidak bermasalah untuk ditawarkan dengan kontrak baharu.

"Kita akan mengadakan perbincangan mengenai kontrak NAFAS terhadap pembekalan baja subsidi kepada pesawah atau petani di negara ini. Insya-Allah, NAFAS mampu menjaga kebajikan peladang, kalau ada kelemahan-kelemahan kita baik dari semasa ke semasa."

"Saya tak berani kata 100 peratus (untuk meneruskan kontrak pembekalan), tetapi NAFAS ini adalah satu badan yang ditubuhkan oleh kerajaan, sudah tentulah kita mahu NAFAS terus 'bernafas'," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan jawatan ke kilang Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd. (MNFSB) bagi meninjau sendiri



**MOHAMAD Sabu beramah mesra dengan warga Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) ketika melakukan lawatan ke Kilang Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd di Gurun, semalam.**

proses pembuatan, gudang penyimpanan serta mendapatkan gambaran secara menyeluruh proses pembuatan baja bagi skim subsidi kerajaan oleh NAFAS di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) NAFAS,

Datuk Zamri Yaakob; Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar; Timbalan Ketua Pengarah Operasi LPP, Nik Mohd. Shaharil Nik Md. Hashim dan Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris Arriffin. MNFSB merupakan syarikat

usaha NAFAS dan Petronas Chemicals Fertilizer Kedah Sdn. Bhd. yang mula beroperasi pada tahun 2004.

Aktiviti pengilangan baja di kilang MNFSB memproses pelbagai jenis baja di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Baja NPK Tambahan di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB).

NAFAS mempunyai rantai pembekalan lengkap dan menjalin kerjasama strategik yang aktif bersama Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh Malaysia bagi menjayakan program pembekalan baja SBPKP, SIPP dan SBRPB kepada para petani.

Mohamad berkata, pembekalan baja tersebut merupakan program kerajaan untuk mengurangkan kos pengeluaran padi di samping meningkatkan pendapatan petani dan pesawah seluruh negara.

"NAFAS juga memberi jaminan bekalan baja pada tahun ini mencukupi di seluruh negara dan akan sampai mengikut jadual penanaman padi yang ditetapkan. "Saya harap para petani tidak

perlu risau dengan isu tersebut termasuk dari segi kualiti baja yang dibekalkan, cuma mereka perlu mendaftar awal atau mengikut masa yang ditetapkan bagi mengelak kelewatan," katanya.

Selain itu, Mohamad kagum dengan pencapaian NAFAS yang baru-baru ini mengumumkan dividen Dana Peladang Kebangsaan (DPK) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 sebanyak lapan peratus untuk Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP).

"Walaupun dalam keadaan ekonomi tidak menentu di seluruh dunia, NAFAS dapat dividen lapan peratus pada tahun ini. Kita ucap tahniah kerana dalam suasana sukar ini dapat juga beri dividen kepada mereka pelabur yang kesemuanya terdiri daripada para peladang," katanya.

Sementara itu, NAFAS turut memperkenalkan produk baja baharu keluaran MNFSB iaitu Silgrow Plus iaitu baja mineral silikon yang berfungsi sebagai perapi tanah. Baja tersebut antara lain dapat menggalakkan akar, mempergiatkan proses fotosintesis, menguatkan daya ketahanan tanaman terhadap penyakit dan serangga perosak.

## Zero Late Delivery atasi isu kelewatan bekalan

**ALOR SETAR:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyokong usaha Pertubuhan Peladang Kawasan (NAFAS) yang memperkenalkan kempen Zero Late Delivery sebagai langkah proaktif dalam menangani isu kelewatan pembekalan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kempen itu dilihat menjurus kepada menyahut hasrat kerajaan dalam memastikan warga peladang didahulukan selaras dasar agro makanan negara dalam meningkatkan hasil pendapatan petani.

"Sudah tiba masanya NAFAS merajai transformasi pergerakan pertubuhan peladang bagi memantapkan setiap perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat terutamanya kepada peladang yang betul-betul berkesan dan memuaskan hati mereka.



**MOHAMAD Sabu (tiga dari kiri) dan Mahfuz Omar (dua dari kiri) bersama-sama pengurusan tinggi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memegang jaket sebagai gimik pelancaran kempen Zero Late Delivery di Alor Setar, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN**

"Oleh itu, Zero Late Delivery berupaya membantu dalam meningkatkan peratus kos sara diri (SSL) yang saya percayanya NAFAS dapat melaksanakannya kerana NAFAS mempunyai kekuatan

daripada pelbagai sudut," katanya. Beliau berkata demikian pada program Santai Peladang bersama Pemimpin Ahli Peladang Zon Utara 2023 di sini, semalam. Kempen ke arah Zero Late

Delivery yang menggariskan empat elemen utama akan diangkat sebagai garis panduan NAFAS dalam memastikan pengedaran tanpa kelewatan. Antaranya memastikan stok

bahan mentah tersedia bagi membolehkan kilang membuat baja secepat dan memastikan kilang beroperasi membuat baja bagi membolehkan stok baja tersedia untuk dihantar ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Selain itu, NAFAS akan memastikan pengangkutan tersedia untuk menghantar baja serta berusaha meningkatkan kecekapan pengurusan dokumentasi bagi memastikan aliran tunai berkeupayaan menampung pembelian bahan mentah, pembuatan dan penghantaran baja.

Pada masa sama, NAFAS komited untuk terus bergerak aktif mencari formula dan alternatif baharu dalam memastikan mereka terus cemerlang bukan sahaja sebagai badan perniagaan milik ahli-ahli peladang tetapi sebagai badan sosial yang sentiasa membela nasib ahlinya.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------|------------|
| 27/6/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 22         |

# NAFAS terus bekal baja subsidi kepada petani

Kilang MNFSB hasilkan baja dengan kapasiti pengeluaran 360,000 tan metrik setahun

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA GURUN

**P**ertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) berupaya meneruskan operasi kilang Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB) bagi membekalkan baja subsidi kepada petani ke seluruh negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kilang yang beroperasi sejak 2004 itu diyakini mampu terus melaksanakan fungsinya dalam memastikan bekalan baja mencukupi dengan kapasiti pengeluaran mencecah 360,000 tan metrik setahun.

Menurutnya, skim pembekalan baja subsidi merupakan program kerajaan bagi mengurangkan kos pengeluaran padi di samping meningkatkan pendapatan golongan berkenaan.

"Berhubung kontrak (pembekalan baja), kita akan terus bincang... dan saya tak berani kata 100 peratus tetapi NAFAS ialah satu badan yang ditubuhkan kerajaan, sudah tentu mahu NAFAS terus bernafas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengadakan lawatan kerja ke kilang MNFSB di sini dan pelancaran baja mineral silikon perapi tanah - Silgrow Plus pada Isnin.

Jelasnya, buat masa ini, beliau yakin dengan jaminan yang diberi NAFAS bahawa pengeluaran baja subsidi setakat ini mencukupi untuk dibekalkan ke seluruh negara mengikut jadual penanaman padi yang ditetapkan.

Menurutnya, MNFSB yang merupakan syarikat usaha sama NAFAS dan Petronas Chemicals Fertilizer Kedah Sdn Bhd berfungsi dalam proses pembuatan baja, pengilangan dan pengagihan bekalan baja melalui rantaian

Mohamad (dua dari kanan) ketika melakukan lawatan kerja ke kilang Malaysian NPK Fertilizer di Gurun, Kedah pada Isnin.



pembekalan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Petani tidak perlu rasa risau, cuma macam biasa kena daftar awal takut kelewatan kerana masalah teknikal dan sebagainya," katanya.

Jelas Mohamad, walaupun dalam keadaan perbezaan ekonomi yang berlaku di seluruh negara dan dunia, NAFAS masih dapat mengagihkan dividen sebanyak lapan peratus kepada ahlinya.

"Kita ucap tahniah, kerana dalam suasana sukar dapat juga beri dividen

kepada mereka yang melabur," kata beliau.

Sementara itu, dalam majlis yang sama NAFAS memperkenalkan produk baja baharu dikenali Silgrow Plus, iaitu baja mineral silikon yang berfungsi sebagai perapi tanah.

Produk yang diperbuat daripada sumber mineral semula jadi serta diperkaya dengan pelbagai elemen penting itu bertujuan meningkatkan kesuburan tanah seperti silika dan kalsium, meneutralkan nilai keasidan (pH) serta keupayaan tanah untuk memegang nutrien apabila pembajaan dilakukan.

## Kempen Zero Late Delivery tangani isu lewat bekalan baja

**ALOR SETAR** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) melancarkan kempen ke arah *Zero Late Delivery* sebagai solusi baharu dan proaktif menangani isu kelewatan pembekalan skim baja subsidi untuk dihantar ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Pertubuhan tersebut sebagai payung bagi rantaian Pertubuhan Peladang yang bernaung di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memikul tanggungjawab memperbaiki sosioekonomi para peladang dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan serta memajukan industri pertanian dan keterjaminan negara.

Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sudah tiba masanya NAFAS menerajui transformasi pergerakan pertubuhan peladang bagi memantapkan setiap perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat terutamanya kepada peladang.

"Saya menyokong penuh kempen ke arah *Zero Late Delivery* direncanakan oleh NAFAS yang dilihat menjurus kepada menyahut hasrat kerajaan dalam memastikan warga peladang diutamakan selaras dengan dasar agro makanan negara bagi meningkatkan hasil pendapatan petani sekali gus membantu dalam meningkatkan peratus kos sara diri (SSL).



Mohamad (tengah) pada gimik pelancaran kempen *Zero Late Delivery* di Hotel Raia, Alor Setar pada Isnin.

"Saya percaya NAFAS dapat melaksanakannya kerana pertubuhan ini mempunyai kekuatan dari pelbagai sudut," katanya semasa berucap pada pelancaran kempen *Zero Late Delivery* di Hotel Raia, dekat sini pada Isnin.

Hadir sama, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mahfuz Omar, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pertubuhan

Peladang, Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim dan Pengurus Besar NAFAS, Mohammad Faris Ariffin.

Mengulas lanjut, Mohamad menjelaskan mengambil maklum semua perkara yang menjadi kekangan serta isu-isu semasa yang melanda NAFAS terutamanya isu kelewatan penerimaan bahan mentah yang diimport dari negara luar.

Beliau juga maklum mengenai situasi kewangan NAFAS sekarang yang

terpaksa menanggung kos penyediaan baja subsidi yang meningkat.

"Perkara tersebut telah diangkat ke peringkat Kementerian dan KPKM telah pun memohon dengan Kementerian Kewangan berkenaan pelarasan harga VOP (syarat perubahan harga) bagi skim baja subsidi. Insya-ALLAH semuanya akan selesai dalam masa terdekat.

"Saya yakin NAFAS dengan barisan kepimpinan PPN dan PPK dapat sama-sama menggalas amanah yang diberikan dengan baik dan terus membina pergerakan Pertubuhan Peladang yang berdaya saing di peringkat global berasaskan penyertaan peladang yang efektif," ujar beliau.

Empat elemen utama menjayakan kempen *Zero Late Delivery* iaitu memastikan stok bahan mentah tersedia bagi membolehkan kilang membuat baja sebatian dan memastikan kilang beroperasi membuat baja bagi membolehkan stok baja tersedia untuk dihantar ke PPK.

Dua lagi elemen adalah memastikan pengangkutan tersedia untuk menghantar baja dan meningkatkan kecekapan pengurusan dokumentasi bagi memastikan aliran tunai berkeupayaan menampung pembelian bahan mentah, pembuatan dan penghantaran baja.